

Makmal analisis air UMS diiktiraf antarabangsa

NST 30.3.2018 1

KOTA KINABALU: Makmal Analisis Air Universiti Malaysia Sabah (UMSWAL) mendapat perakuan mencapai standard antarabangsa apabila ia dianugerahkan Sijil Akreditasi MS ISO/IEC 17025 oleh Jabatan Standard Malaysia kelmarin.

Sijil itu disampaikan Ketua Pengarah Standard Malaysia Datuk Fadilah Baharin kepada Timbalan Naib Canselor UMS Prof Dr Shahril Yusof pada majlis di kampus UMS di sini kelmarin.


Penganugerahan akreditasi itu bermakna UMS kini merupakan sebuah makmal bersijil, yang membolehkannya menyediakan khidmat ujian kualiti air dalam skop yang ditauliahkan kepada penyelidik, orang ramai dan industri.

Terdahulu, dalam teks ucapan beliau yang dibacakan Dr Shahril, Naib Canselor UMS Prof Dr D Kamaruddin D Mudin berkata penganugerahan akreditasi itu mencerminkan kemampuan UMS untuk menawarkan perkhidmatan ujian yang berwibawa.

“Matlamat akhir kami bukan sahaja untuk menjadi universiti paling terkemuka dari segi kecermerlangan akademik, tetapi juga sebagai hab perkhidmatan ujian untuk pelanggan tempatan, serantau dan antarabangsa.

“Kini, pengawal selia dan industri mendapat jaminan bahawa makmal kami mendapat pengiktirafan global,” kata beliau.

Majlis itu turut dihadiri Dekan Fakulti Sains dan Sumber Asli UMS Prof Dr Baba Musta dan Ketua Unit Penyelidikan Air UMS Dr Moh Pak Yan.



DIIKTARAF ANTARABANGSA... Fadilah (kanan) menyerahkan Sijil Akreditasi MS ISO/IEC 17025:2005 kepada Timbalan Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah Prof Dr Shahril Yusof (kiri) sempena Penyerahan Sijil Akreditasi Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) Berdasarkan Standard MS ISO/IEC 17025:2005 kelmarin.-Foto Bernama